

# Koleksi Bangau Perahu : Tema Dan Simbol

---

Oleh

Mohd Nasrulmiazam Mohd Nasir

# Pengenalan

---

- Fungsi perahu bukan sahaja sebagai kenderaan untuk menangkap ikan tetapi juga berperanan menjadi simbol penghubung diantara alam laut dengan kehidupan masyarakat
- Dalam kepercayaan tradisi, aktiviti menangkap ikan di laut sering di selubungi dengan risiko bencana ribut dan gangguan dewa-dewa laut yang jahat, maka pelbagai jenis perlindungan perlu disediakan.
- Pelindung kepada sesebuah perahu merupakan beberapa bentuk hiasan yang letakkan di hadapan perahu seperti bangau, okok dan caping.
- Dekorasi yang paling menonjol pada sesebuah perahu tidak kira sama ada jenis Payang, Kolek, Sekoci, Jalora, Bedar mahupun jenis Buatan Barat ialah bangau.
- Objek dekorasi ini dianggap sebagai 'semangat' pada sesebuah perahu dan sering dimotifkan dengan motif-motif seperti sulur, makara, naga, daun jari buaya, angsa, burung bangau, dan karektor-karektor wayang kulit.
- Di Jabatan Muzium Malaysia (JMM), kegiatan perolehan terhadap koleksi objek hiasan perahu khususnya bangau dan okok telah pun bermula sejak awal penubuhan Muzium Negara pada tahun 1963.
- koleksi bangau yang dimiliki oleh JMM mewakili hampir setiap jenis perahu yang pernah digunakan di Pantai Timur seperti perahu Payang, Payang Buatan Barat, Sekoci, Kolek, Kolek Kue, Jalora dan Bedar


# Permasalahan Kajian

---

- Antara artifak yang dipamerkan dalam galeri kebudayaan sewaktu pembukaan Muzium Negara pada 1963 ialah objek bangau.
- objek bangau sering dikaitkan dengan simbol kebudayaan dan artifak pameran bagi sesebuah muzium, namun perbahasan khusus mengenainya terutama berhubung dengan tema, simbolisme dan falsafah.

# Jenis-jenis Hiasan Pada Perahu

1. Bangau
2. Okok
3. Caping



# Bangau

---

- Bangau ialah sekeping papan berbentuk seperti penyangkut.
- Fungsi untuk meletakkan layar semasa ianya tidak digunakan supaya layar tidak tergolek (jatuh) ke laut.
- Diletakkan di bahagian kiri kepala atau hadapan perahu.
- Saiz bangau lebih besar daripada okok.

# Okok

---

- Terletak pada bahagian kanan hadapan perahu dan ia kadang kala dihasil dari sekeping papan bersama-sama bangau.

# Caping

---

- Caping dianggap nadi pada perahu terutamanya perahu kolek buatan barat dan payang buatan barat.
- Bentuk seperti tiga segi ataupun bujur sireh

# Bangau Sebagai Simbol

---

- Syed Ahmad Jamal (1970), bangau mempunyai peranan sebagai simbol kebudayaan Melayu dengan laut.
- Nama bangau diambil bersesuaian dengan sifat burung bangau yang suka duduk diatas kerbau sambil memerhatikan ikan didalam sawah.
- Nelayan menjadikan bangau sebagai simbol untuk mereka mencari rezeki di laut bagi mendapat tangkapan yang banyak.
- Rekabentuk bangau dilihat seperti huruf “S” yang secara simboliknya memberi gambaran kepada sifat leher burung bangau yang sedang menangkap ikan.



# Bangau : Estetika dan Spiritual

---

- Dari aspek estetika, bangau yang berpasangan dengan okok dilihat sebagai objek hiasan untuk mencantikkan perahu.
- Bangau dan okok sering diukir secara nyata atau simbolik serta diwarnakan dengan warna-warna terang.
- Kehalusan ukiran pada bangau memberi gambaran bahawa masyarakat Melayu khususnya di Pantai Timur memiliki daya cipta yang tinggi seni.
- Menurut Ismail Ahmad (2003), Bangau dan okok dipercayai memepunyai semangat untuk membantumereka mencari rezeki dan melindungi mereka di laut. Unsur-unsur inilah yang menyebabkan bangau dan okok dibuat dengan begitu indah

# Bangau : Sistem Kepercayaan

---

- Latar budaya masyarakat Melayu di Pantai Timur sememangnya amat berkait rapat dengan alam kelautan.
- Konteks kepercayaan tradisional, laut adalah sebuah dunia yang mempunyai kuasanya tersendiri yang mana ia berkaitan semangat dan dewa baik dan jahat yang berada dilaut.
- Farish A. Noor dan Eddin Khoo (2003), para nelayan mempunyai kepercayaan bahawa mereka berhadapan dengan mambang laut yang berniat jahat.
- Justeru itulah, para nelayan meletakkan hiasan bangau sebagai perlindungan semasa dilaut.

## Bangau : Sistem Kepercayaan (smb.)

---

- Mubin Shepard (1972), pemilik perahu mengadakan upacara ritual sekurang-kurangnya tiga kali setahun bagi mendapat perlindungan untuk perahu dan pemiliknya.
- Tumpuan utama pada upacara ritual ini ialah ritual dari bomoh yang mengalungkan bunga pada bangau dan okok perahu.